

D.R. 11/2006

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-Undang 1976.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 3

3. Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 3 —

(a) dengan memasukkan selepas takrif "Daftarai" takrif yang berikut:

' "Fakulti Undang-Undang" ertinya Fakulti Undang-Undang di suatu Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Fakulti Undang-Undang di Universiti Tekonologi MARA yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*] dan Kuliyyah Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang ditubuhkan menurut Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

(b) dalam takrif "Lembaga", dengan menggantikan perkataan "Lembaga Kelayakan" dengan perkataan "Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang"; dan

(c) dengan memasukkan selepas takrif ' "Majlis Peguam" dan "Majlis" ' takrif yang berikut:

' "Menteri" ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi undang-undang; '.

Pindaan tajuk Bahagian II

3. Tajuk Bahagian II Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "LEMBAGA KELAYAKAN" dengan perkataan "LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG".

Pindaan seksyen 4

4. (1) Seksyen 4 Akta ibu termasuk nota bahu dipinda dengan menggantikan perkataan "Lembaga Kelayakan" dengan perkataan "Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang",

(2) Segala sebutan mengenai Lembaga Kelayakan dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa surat cara, dokumen, bon, perjanjian atau perkiraan kerja yang wujud sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang.

(3) Perubahan nama daripada "Lembaga Kelayakan" kepada "Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang" tidak menyentuh apa-apa kuasa, hak, keistimewaan, Uabiliti, kewajipan atau obligasi Lembaga Kelayakan, atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya.

(4) Prosiding undang-undang yang belum selesai atau yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga Kelayakan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini boleh diteruskan atau dimulakan pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini atas nama Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang.

Pindaan seksyen 7

5. Seksyen 7 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

"(d) seorang ahli sepenuh masa daripada kakitangan akademik suatu Fakulti Undang-Undang yang dinamakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi."

Pindaan seksyen 9

6. Subseksyen 9(3) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "dan" perkataan "jika terdapat undi yang sama banyak,".

Pindaan seksyen 13

7. Subseksyen 13(4) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "tujuh tahun" dengan perkataan "sekurang-kurangnya satu tahun".

Pindaan seksyen 35

8. Subseksyen 35(2) Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

"(b) pegawai Perbadanan Amanah Raya, Ketua Pengarah Insolvensi, Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi, Pengarah Insolvensi, Timbalan Pengarah Insolvensi, Penolong Pengarah Insolvensi Kanan, Penolong Pengarah Insolvensi dan Pegawai Insolvensi untuk hadir dan bercakap dalam mahkamah di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan jawatan itu;" dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

"(ba) Ketua Pengarah Bantuan Guaman atau mana-mana orang yang dilantik untuk membantu Ketua Pengarah Bantuan Guaman di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] yang bertindak dalam masa menjalankan kewajibannya; dan".

Pindaan seksyen 38

9. Subseksyen 38(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

"(b) pegawai Perbadanan Amanah Raya, Ketua Pengarah Insolvensi, Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi, Pengarah Insolvensi, Timbalan Pengarah Insolvensi, Penolong Pengarah Insolvensi Kanan, Penolong Pengarah Insolvensi dan Pegawai Insolvensi yang bertindak dalam masa menjalankan kewajipan mereka di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan jawatan mereka;"

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

"(ba) Ketua Pengarah Bantuan Guaman atau mana-mana orang yang dilantik untuk membantu Ketua Pengarah Bantuan Guaman di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971 yang bertindak dalam masa menjalankan kewajipannya;" dan

(c) dalam perenggan (g), dengan menggantikan perkataan "Fakulti Undang-Undang Universiti Maiaya" dengan perkataan "suatu Fakulti Undang-Undang".

Pindaan seksyen 46A

10. Subseksyen 46A(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perenggan (a).

Pindaan seksyen 64

11. Seksyen 64 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (2)(b) —

- (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan "terminating" dengan perkataan "ending"; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "mesyuarat agung" perkataan "tahunan";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Notis mengenai suatu mesyuarat agung tahunan *Bar Malaysia* hendaklah dihantar kepada ahli-ahli, mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Majlis Peguam, tidak kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh mesyuarat itu:

Dengan syarat bahawa tempoh tidak kurang daripada empat belas hari itu tidak terpakai dalam hal suatu mesyuarat agung tahunan yang ditangguhkan menurut subseksyen (5).

(4) Kuorum bagi suatu mesyuarat agung tahunan ialah lima ratus orang ahli *Bar Malaysia*; dan tiada urusan boleh dijalankan dalam mana-mana mesyuarat agung tahunan melainkan jika ada cukup kuorum apabila mesyuarat itu bertindak menjalankan urusannya.

(5) Jika kuorum yang disebut dalam subseksyen (4) tidak ada dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu, mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke hari yang berikutnya pada masa dan di tempat yang sama melainkan jika ahli-ahli diberitahu selainnya oleh Majlis Peguam dalam notis yang memanggil mesyuarat yang asal; dan jika pada mesyuarat agung tahunan yang ditangguhkan itu tidak ada cukup kuorum dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat yang ditangguhkan itu, ahli yang hadir hendaklah membentuk suatu kuorum.

(6) Jika mana-mana ahli berhasrat untuk mencadangkan apa-apa usul untuk dipertimbangkan dalam mesyuarat agung tahunan yang dipanggil di bawah seksyen ini, dia hendaklah, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh yang mula-mula ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu, menyampaikan notis usul itu secara bertulis kepada Setiausaha *Bar Malaysia*."

Pindaan seksyen 65

12. Seksyen 65 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "Mesyuarat Agung" dengan perkataan "Mesyuarat Agung Luar Biasa";
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan "perlu" perkataan "; dan mesyuarat itu hendaklah dikenali sebagai mesyuarat agung luar biasa";
- (c) dalam subseksyen (2) —
 - (i) dengan menggantikan perkataan "lima puluh" dengan perkataan "satu ratus lima puluh"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "suatu mesyuarat agung" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "suatu mesyuarat agung luar biasa";
- (d) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan sebelum perkataan "yang dicadangkan" perkataan "agung luar biasa";
- (e) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan "mesyuarat agung" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "mesyuarat agung luar biasa";
- (f) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

"(4A) Kuorum bagi suatu mesyuarat agung luar biasa yang dipanggil di bawah seksyen ini ialah lima ratus orang ahli *Bar* Malaysia; dan tiada urusan boleh dijalankan dalam mana-mana mesyuarat agung luar biasa melainkan jika ada cukup kuorum apabila mesyuarat itu bertindak menjalankan urusannya.

(4B) Suatu mesyuarat agung luar biasa yang dipanggil di bawah seksyen ini hendaklah dibubarkan jika tidak ada cukup kuorum dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu."; dan

- (g) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan "tahunan atau mesyuarat agung lain" dengan perkataan "luar biasa".

Pindaan seksyen 66

13. Seksyen 66 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memotong perkataan "(1)";
- (b) dengan menggantikan perkataan "mesyuarat agung selain mesyuarat agung tahunan" dengan perkataan "mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung luar biasa"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perkataan "dan" perkataan "jika terdapat undi yang sama banyak,".

Pemotongan seksyen 67

14. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 67.

Pindaan seksyen 70

15. Seksyen 70 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) —
 - (i) dengan menggantikan perkataan "Mac" dengan perkataan "Februari"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "bulan itu" dengan perkataan "bulan Februari";
- (b) dalam perenggan (1A)(&), dengan memasukkan selepas perkataan "mesyuarat agung" perkataan "tahunan";
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1A) subseksyen yang berikut:

"(1B) Notis mengenai suatu mesyuarat agung tahunan *Bar Negeri* hendaklah dihantar kepada ahli-ahli *Bar Negeri* itu, mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Jawatankuasa *Bar Negeri*, tidak kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh mesyuarat itu:

Dengan syarat bahawa tempoh tidak kurang daripada empat belas hari itu tidak terpakai dalam hal suatu mesyuarat agung tahunan yang ditangguhkan menurut subseksyen (2B).";

Rang Undang-Undang

- (d) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Pada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan, Pengerusi Jawatankuasa *Bar* Negeri hendaklah mempengerusikan mesyuarat dan sekiranya dia tidak hadir, ahli yang paling kanan yang hadir yang sanggup hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.";

- (e) dengan memasukkan sefepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Kuorum bagi suatu mesyuarat agung tahunan ialah lima peratus daripada jumlah bilangan ahli *Bar* Negeri setakat tarikh notis mesyuarat itu; dan tiada urusan boleh dijalankan dalam mana-mana mesyuarat agung tahunan melainkan jika ada cukup kuorum apabila mesyuarat itu bertindak menjalankan urusannya.

(2B) Jika kuorum yang disebut dalam subseksyen (2A) tidak ada dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu, mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke hari yang berikutnya pada masa dan di tempat yang sama melainkan jika ahli-ahli diberitahu selainnya oleh Jawatankuasa *Bar* Negeri dalam notis yang memanggil mesyuarat yang asal; dan jika pada mesyuarat agung tahunan yang ditangguhkan itu tidak ada cukup kuorum dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat yang ditangguhkan itu, ahli yang hadir hendaklah membentuk suatu kuorum.

(2c) Jika mana-mana ahli berhasrat untuk mencadangkan apa-apa usul untuk dipertimbangkan dalam mesyuarat agung tahunan yang dipanggil di bawah seksyen ini, dia hendaklah, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh yang mula-mula ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu, menyampaikan notis usul itu secara bertulis kepada Setiausaha *Bar* Negeri itu.";

- (f) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Pada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan, tiap-tiap ahli yang hadir hendaklah mempunyai satu

undi dan jika terdapat undi yang sama banyak, ahli yang mempengerusikan hendaklah mempunyai undi pemutus.";

(g) dalam subseksyen (4) —

(i) dengan menggantikan perkataan "dan" yang terdapat selepas perkataan "ernpat" dengan perkataan "tetapi"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "enam" dengan perkataan "sepuluh";

(h) dalam subseksyen (7)—

(i) dengan memasukkan sebelum perkataan "Jawatankuasa *Bar* Negeri" perkataan "ahli"; dan

(ii) dalam proviso, dengan menggantikan perkataan "di bawah subseksyen ini" dengan perkataan "untuk mewakili *Bar* Negeri dalam Majlis Peguam";

(i) dalam subseksyen (7A), dengan memasukkan selepas perkataan "subseksyen" perkataan "(4) atau";

(j) dalam subseksyen (8), dengan menggantikan perkataan "orang yang dipilih sebagai wakil" dengan perkataan "orang yang dipilih sebagai wakil atau wakil-wakil"; dan

(k) dengan memotong subseksyen (9).

Pindaan seksyen 70A

16. Seksyen 70A Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "Mesyuarat agung" dengan perkataan "Mesyuarat Agung Luar Biasa";

(b) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan "Jawatankuasa *Bar*" perkataan "Negeri; dan mesyuarat itu hendaklah dikenali sebagai mesyuarat agung luar biasa";

- (c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:
- "(2) Kuorum bagi suatu mesyuarat agung luar biasa yang dipanggil di bawah seksyen ini ialah lima peratus daripada jumlah bilangan ahli *Bar* Negeri setakat tarikh notis yang memanggil mesyuarat itu; dan tiada urusan boleh dijalankan dalam mana-mana mesyuarat agung luar biasa melainkan jika ada cukup kuorum apabila mesyuarat itu bertindak menjalankan urusannya.";
- (d) dalam subseksyen (3)—
- (i) dengan menggantikan perkataan "satu pertiga" dengan perkataan "dua peratus"; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "mesyuarat agung" di mana-mana jua terdapat perkataan "luar biasa";
- (e) dalam subseksyen (5), dengan memasukkan selepas perkataan "mesyuarat agung" di mana-mana jua terdapat perkataan "luar biasa";
- (f) dalam subseksyen (6)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "mesyuarat agung" perkataan "luar biasa";
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "subseksyen (3) atau (5)" dengan perkataan "seksyen ini";
 - (iii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan "tidak ada" perkataan "cukup"; dan
 - (iv) dengan menggantikan perkataan "setengah" dengan perkataan "satu";
- (g) dalam subseksyen (7)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "mesyuarat agung" perkataan "luar biasa"; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "dan" perkataan "jika terdapat undi yang sama banyak,"; dan
- (h) dengan menggantikan subseksyen (8) dengan subseksyen yang berikut:
- "(8) Jika mana-mana ahli *Bar* Negeri berhasrat untuk mencadangkan apa-apa usul untuk dipertimbangkan dalam mesyuarat agung luar biasa yang dipanggil

di bawah seksyen ini, dia hendaklah, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat itu, menyampaikan notis usul itu secara bertulis kepada Setiausaha *Bar Negeri*."

Pengesahan

17. (1) Segala perbuatan dan perkara yang dilakukan atau yang berupa sebagai dilakukan oleh Majlis Peguam, mana-mana Jawatankuasa *Bar Negeri* dan mana-mana ahli dan jawatankuasanya masing-masing berhubung dengan apa-apa keputusan yang diambil atau ketetapan yang diluluskan pada atau kemudian daripada mana-mana mesyuarat agung tahunan *Bar Malaysia* atau *Bar Negeri* yang dipanggil menurut atau di bawah kuasa Akta ibu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan telah dilakukan dengan sah dan menurut undang-undang walaupun mesyuarat itu diadakan dengan tidak ada cukup kuorum dan bahawa Akta ibu tidak, pada masa perbuatan dan perkara itu dilakukan, mengandungi peruntukan yang dimasukkan oleh Akta ini berkenaan dengan penangguhan mesyuarat agung tahunan *Bar Malaysia* dan *Bar Negeri* dan kehendak mengenai kuorum.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh apa-apa hak yang diberikan atau relief yang diperoleh oleh mana-mana orang menurut kuasa apa-apa keputusan mahkamah yang diumumkan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

Pindaan seksyen 76

18. Seksyen 76 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "dan Jawatankuasa hendaklah disiarkan dalam *Warta*" dengan perkataan "hendaklah disiarkan dan kerahsiaan dalam prosiding";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Kecuali dan setakat yang perlu bagi maksud menguatkuasakan apa-apa ketetapan yang diluluskan atau keputusan yang diambil, kerahsiaan hendaklah dipelihara oleh ahli Lembaga, Majlis Peguam, Jawatankuasa *Bar Negeri*, Lembaga Tatatertib, Jawatankuasa Tatatertib dan kakitangan mereka yang

terlibat dalam semua prosiding atau perkara yang dijalankan oleh Lembaga, Majlis Peguam, Jawatankuasa *Bar* Negeri, Lembaga Tatatertib dan Jawatankuasa Tatatertib."; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Tiada seorang pun ahli Lembaga, Majlis Peguam, Jawatankuasa *Bar* Negeri, Lembaga Tatatertib, Jawatankuasa Tatatertib dan kakitangan mereka yang terlibat dalam apa-apa prosiding atau perkara yang dijalankan oleh mereka boleh dipaksa menzahirkan kepada mana-mana mahkamah apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding atau perkara itu."

Pindaan seksyen 93

19. Seksyen 93 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Lembaga Tatatertib hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) pengerusi Lembaga Tatatertib yang dilantik oleh Hakim Besar selepas berunding dengan Majlis Peguam dan orang itu hendaklah seorang Hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan atau seorang Hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan yang telah bersara atau mana-mana orang lain yang layak menjadi seorang Hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan;
- (b) Yang Dipertua *Bar* Malaysia atau mana-mana ahli Majlis Peguam sebagai wakilnya; dan
- (c) lima belas orang ahli pengamal *Bar* Malaysia yang sudah menjadi peguam bela dan peguam cara tidak kurang daripada lima belas tahun yang dilantik oleh Hakim Besar selama tempoh dua tahun selepas berunding dengan Majlis Peguam:

Dengan syarat bahawa Hakim Besar boleh, selepas berunding dengan Majlis Peguam, melanjutkan tempoh pelantikan itu selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun lagi dan boleh melantik mereka semula.";

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

" (3A) Jika seorang Hakim Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan hendak dilantik sebagai pengerusi, pelantikan itu hendaklah dibuat oleh Hakim Besar selepas berunding dengan Presiden Mahkamah Rayuan atau Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3B) Kelayakan yang disebut dalam perenggan (3)(a) tidak dalam apa-apa cara mempunyai kaitan dengan umur orang itu.";

- (c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

"(4) Kuorum Lembaga Tatatertib ialah tujuh orang ahli yang daripadanya seorang ahli hendaklah daripada perenggan 3(a), seorang ahli daripada perenggan 3(b) dan lima orang ahli daripada perenggan 3(c):

Dengan syarat bahawa bilangan ahli daripada perenggan (3)(c) boleh ditambah dengan sewajarnya jika peruntukan subseksyen (4A) atau (4c) terpakai bagi mengekalkan kuorum sebanyak tujuh orang ahli.";

- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

"(4A) Pengerusi Lembaga Tatatertib hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga Tatatertib dan jika pengerusi menarik diri menurut subseksyen (4c) atau jika pengerusi tidak dapat, oleh sebab sakit atau apa-apa sebab yang lain, hadir mesyuarat, Yang Dipertua *Bar* Malaysia atau wakilnya hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(4B) Jika pengerusi Lembaga Tatatertib dan Yang Dipertua *Bar* Malaysia atau wakilnya menarik diri daripada menimbang teliti apa-apa aduan menurut subseksyen (4c), ahli yang hadir hendaklah memilih seorang daripada kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu bagi maksud aduan itu.

(4c) Pengerusi Lembaga Tatatertib, Yang Dipertua *Bar* Malaysia atau wakilnya hendaklah, jika didapatinya perlu, demi kepentingan keadilan, menarik diri daripada menimbang teliti apa-apa aduan.

(4D) Tiada perbuatan atau prosiding Lembaga Tatatertib menjadi tidak sah semata-mata atas alasan bahawa Yang Dipertua *Bar* Malaysia atau wakilnya telah mengambil bahagian dalam mana-mana penimbangtelitian atau keputusan Lembaga Tatatertib berhubung dengan apa-apa aduan jika Majlis Peguam merupakan pengadu."; dan

(e) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

"(5) Setiausaha Lembaga Tatatertib hendaklah menjadi pekerja sepenuh masa Majlis Peguam yang dilantik di bawah seksyen 98 dan orang itu hendaklah—

- (a) seorang peguam bela dan peguam cara yang sudah menjadi peguam bela dan peguam cara tidak kurang daripada lima tahun; atau
- (b) seorang peguam bela dan peguam cara yang sudah menjadi peguam bela dan peguam cara tidak kurang daripada tiga tahun dan yang telah, sebagai tambahan, bekerja dengan Majlis Peguam atau Lembaga Tatatertib selama tidak kurang daripada dua tahun."

Pindaan seksyen 94

20. Seksyen 94 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan "lima tahun" perkataan "atau diperintahkan untuk membayar suatu denda atau ditegur atau dicela, mengikut mana-mana yang berkenaan"; dan

- (b) dalam perenggan (4)(b), dengan memasukkan selepas perkataan "digantung" perkataan ", ditegur".

Pindaan seksyen 95

21. Seksyen 95 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan "dan Panel Tribunal Penyiasatan"; dan
- (b) dengan memotong perkataan "dan suatu Panel Tribunal Penyiasatan dengan suatu Tribunal Penyiasatan yang ditubuhkan di bawahnya".

Pemotongan seksyen 97

22. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 97.

Pindaan seksyen 98

23. Seksyen 98 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "Pengarah" perkataan " dan kakitangan";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Majlis Peguam hendaklah, dari semasa ke semasa sebagaimana yang dikehendaki, melantik—

(a) seorang peguam bela dan peguam cara—

- (i) yang sudah menjadi peguam bela dan peguam cara tidak kurang daripada lima tahun; atau
- (ii) yang sudah menjadi peguam bela dan peguam cara tidak kurang daripada tiga tahun dan yang telah, sebagai tambahan, bekerja dengan Majlis Peguam atau Lembaga Tatatertib tidak kurang daripada dua tahun,

untuk menjawat jawatan Pengarah Urus Setia Aduan; dan

- (b) apa-apa bilangan kakitangan untuk membantu Pengarah itu.";
- (c) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan ", Jawatankuasa Tatatertib dan Tribunal Penyiataan"; dan
- (d) dalam subsekyen (3) —
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "Pengarah" perkataan "dan kakitangan"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "pelantikannya" dengan perkataan "pelantikan mereka".

Pindaan seksyen 99

24. Seksyen 99 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Mana-mana mahkamah termasuk Mahkamah Perindustrian dan Mahkamah Syariah, Hakim, Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret atau Peguam Negara boleh pada bila-bila masa merujuk kepada Lembaga Tatatertib apa-apa aduan terhadap seseorang peguam bela dan peguam cara atau seseorang pelatih."; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

"(4) Jika aduan dibuat terhadap sesuatu firma guaman, aduan itu hendaklah disifatkan sebagai aduan yang dibuat—

- (a) dalam hal seorang ketuanpunyaan tunggal, terhadap peguam bela dan peguam cara yang pada masa yang material merupakan tuan punya tunggal firma guaman itu; atau
- (b) dalam hal suatu perkongsian, terhadap semua peguam bela dan peguam cara yang pada masa yang material merupakan rakan kongsi firma guaman itu,

melainkan jika firma guaman itu memuaskan hati Lembaga Tatatertib tentang identiti peguam bela dan peguam cara dalam firma guaman yang terhadapnya aduan itu telah berbangkit.

(5) Jika pada mana-mana peringkat prosiding Lembaga Tatatertib berpuas hati bahawa suatu aduan yang dibuat terhadap suatu firma guaman sepatutnya dibuat terhadap seorang peguam bela dan peguam cara yang tertentu, Lembaga Tatatertib hendaklah dengan serta-merta menggantikan nama firma guaman itu dengan nama peguam bela dan peguam cara yang berkenaan."

Penggantian seksyen 100

25. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 100 dengan seksyen yang berikut:

"Penyiasatan aduan

100. (1) Jika sesuatu permohonan atau aduan bertulis dirujuk kepada Lembaga Tatatertib, Lembaga Tatatertib hendaklah, jika Lembaga Tatatertib berpuas hati bahawa—

- (a) tiada merit dalam permohonan atau aduan itu, menolak permohonan atau aduan itu dan memberitahu pengadu dan peguam bela dan peguam cara itu tentang keputusannya; dan
- (b) terdapat merit dalam permohonan atau aduan itu—
 - (i) menghantar melalui pos atau menyerahkan kepada peguam bela dan peguam cara yang berkenaan suatu salinan permohonan atau aduan itu bersama-sama dengan semua dokumen sokongan, jika ada, yang telah dikemukakan kepadanya; dan
 - (ii) meminta peguam bela dan peguam cara itu memberikan penjelasan bertulisnya dalam empat salinan bersama-sama dengan dokumen sokongan, jika ada, dalam masa empat belas hari dari tarikh permintaan itu atau dalam apa-apa masa yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga Tatatertib.

(2) Jika peguam bela dan peguam cara itu tidak memberikan penjelasan bertulisnya kepada Lembaga Tatatertib dalam masa yang dinyatakan atau dalam apa-apa masa yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga Tatatertib, Lembaga Tatatertib hendaklah jika Lembaga Tatatertib memutuskan bahawa—

- (a) suatu penyiasatan formal adalah perlu, terus melantik suatu Jawatankuasa Tatatertib; atau
- (b) penyiasatan formal tidaklah perlu, terus menimbangkan sama ada terdapat merit dalam permohonan atau aduan itu.

(3) Jika peguam bela atau peguam cara itu telah memberikan penjelasan bertulisnya kepada Lembaga Tatatertib dalam masa yang dinyatakan atau dalam apa-apa masa yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga Tatatertib, Lembaga Tatatertib hendaklah jika Lembaga Tatatertib memutuskan bahawa—

- (a) suatu penyiasatan formal adalah perlu, terus melantik suatu Jawatankuasa Tatatertib; atau
- (b) penyiasatan formal tidaklah perlu, terus menimbangkan sama ada terdapat merit dalam permohonan atau aduan itu.

(4) Lembaga Tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk menghendaki dikemukakan apa-apa dokumen atau penjelasan lanjut sama ada daripada pengadu atau peguam bela dan peguam cara itu atau kedua-duanya atau daripada mana-mana orang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Tatatertib sebelum membuat suatu keputusan ke atas merit permohonan atau aduan itu.

(5) Jika Lembaga Tatatertib berpuas hati bahawa tiada merit dalam permohonan atau aduan di bawah subseksyen (2) atau (3), Lembaga Tatatertib hendaklah menolak permohonan atau aduan itu dan memberitahu pengadu dan peguam bela dan peguam cara itu tentang keputusannya.

(6) Jika Lembaga Tatatertib berpuas hati bahawa terdapat merit dalam permohonan atau aduan di bawah subseksyen (2) atau (3), Lembaga Tatatertib boleh mengendalikan permohonan

atau aduan itu dengan serta-merta dan mengenakan suatu penalti atau hukuman yang sesuai dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) jika peguam bela dan peguam cara itu telah mengaku salah laku atau fakta material yang mewujudkan salah laku itu;
- (b) jika tiada sebab yang cukup berat wujud bagi suatu penyiasatan formal tetapi peguam bela dan peguam cara itu patut dikenakan penalti yang disebut dalam perenggan *(a)* atau *(b)* atau
- (c) jika fakta material yang mewujudkan salah laku itu adalah jelas dan mudah dan tidak mewajarkan penyiasatan lanjut.

(7) Lembaga Tatatertib hendaklah, sebelum membuat apa-apa perintah dan mengenakan apa-apa penalti atau hukuman, memberitahu peguam bela dan peguam cara tentang niatnya untuk berbuat demikian dan memberinya suatu peluang yang munasabah untuk didengar.

(8) Lembaga Tatatertib boleh mengenakan mana-mana satu daripada penalti atau hukuman yang berikut:

- (a) merekodkan suatu teguran atau celaan terhadap nama peguam bela dan peguam cara itu;
- (b) pengenaan suatu denda ke atas peguam bela dan peguam cara itu bagi apa-apa jumlah wang yang difikirkan adil oleh Lembaga Tatatertib;
- (c) penggantungan peguam bela dan peguam cara itu daripada menjalankan amalan selama apa-apa tempoh tidak melebihi lima tahun yang difikirkan patut oleh Lembaga Tatatertib memandangkan hal keadaan itu; atau
- (d) pemotongan peguam bela dan peguam cara itu daripada Daftarai.

(9) Pengenaan suatu penalti atau hukuman tidak menghalang Lembaga Tatatertib daripada membuat suatu perintah restitusi apa-apa jumlah wang yang didapati kena dibayar dan terhutang kepada pengadu dan memperuntukkan masa yang restitusi itu

patut dibuat, yang dengan keagalannya Lembaga Tatatertib boleh mengenakan ke atas peguam bela dan peguam cara itu suatu hukuman yang lebih tinggi daripada yang dikenakan sebelum itu.

(10) Suatu jumlah wang yang diperintahkan oleh Lembaga Tatatertib di bawah subseksyen (9) untuk direstitusikan boleh didapatkan oleh pengadu sebagai suatu hutang sivil.

(11) Lembaga Tatatertib boleh pada mana-mana peringkat prosiding memutuskan bahawa suatu penyiasatan formal adalah diperlukan dan melantik Jawatankuasa Tatatertib dengan sewajarnya.

(12) Mana-mana peguam bela dan peguam cara atau mana-mana orang lain yang tanpa alasan yang sah enggan atau gagal mengemukakan kepada Lembaga Tatatertib apa-apa dokumen atau gagal memberikan apa-apa maklumat yang ada hubungan atau kaitan dengan hal perkara aduan itu melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya."

Pemotongan seksyen 101

26. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 101.

Pemotongan seksyen 102

27. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 102.

Penggantian seksyen 103

28. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 103 dengan seksyen yang berikut:

"Kuasa Lembaga Tatatertib untuk memerintahkan denda

103. (1) Jika Lembaga Tatatertib telah memerintahkan supaya suatu denda dibayar oleh seseorang peguam bela dan peguam cara, denda itu hendaklah dibayar dalam masa satu bulan dari tarikh perintah itu dan jika dia ingkar membayarnya, Lembaga Tatatertib boleh memerintahkan supaya peguam bela dan peguam cara itu digantung daripada menjalankan amalan sehingga pembayaran denda itu dibuat atau jika peguam bela dan peguam

cara itu pada masa ini tidak memiliki suatu sijil amalan, memerintahkan supaya tiada Sijil Tahunan boleh dikeluarkan kepadanya sehingga pembayaran denda itu dibuat.

(2) Suatu denda yang kena dibayar di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan menjadi hutang yang belum dijelaskan kepada Lembaga Tatatertib dan boleh didapati sebagai suatu hutang sivil."

Penggantian seksyen 103A

29. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 103A dengan seksyen yang berikut:

"Pelantikan Jawatankuasa Tatatertib

103A. (1) Jika-

- (a) Lembaga Tatatertib memutuskan bahawa patut diadakan suatu penyiasatan formal;
- (b) seseorang peguam bela dan peguam cara telah disabitkan atas kesalahan pecah amanah jenayah di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] atau apa-apa kesalahan lain yang melibatkan fraud atau kecurangan; atau
- (c) peguam bela dan peguam cara itu telah digantung di bawah subseksyen 94(4),

Lembaga Tatatertib hendaklah, dengan secepat yang boleh dilaksanakan, melantik suatu Jawatankuasa Tatatertib untuk menyiasat dan membuat syor kepada Lembaga Tatatertib.

(2) Suatu Jawatankuasa Tatatertib hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli iaitu—

- (a) dua orang peguam bela dan peguam cara; dan
- (b) seorang ahli biasa,

yang dilantik daripada Panel Jawatankuasa Tatatertib.

(3) Lembaga Tatatertib hendaklah pada masa pelantikan suatu Jawatankuasa Tatatertib melantik seorang ahli daripada perenggan 2(a) menjadi pengerusi Jawatankuasa Tatatertib itu."

Penggantian seksyen 103B

30. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 103B dengan seksyen yang berikut:

"Penyiasatan oleh Jawatankuasa Tatatertib

103B. (1) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah, dalam masa satu bulan selepas pelantikannya, memulakan penyiasatannya terhadap permohonan atau aduan bertulis itu dan dengan segera melaporkan dapatannya kepada Lembaga Tatatertib.

(2) Bagi maksud apa-apa penyiasatan di bawah subseksyen

(1) Jawatankuasa Tatatertib boleh—

- (a) menghendaki dikemukakan untuk pemeriksaan oleh Jawatankuasa Tatatertib apa-apa buku, dokumen atau kertas yang ada hubungan atau kaitan dengan hal perkara penyiasatan itu dan boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberikan maklumat berhubung dengan buku, dokumen atau kertas itu;
- (b) menghendaki orang yang berkenaan memberikan segala maklumat berhubung dengan mana-mana buku, dokumen atau kertas itu yang mungkin semunasabahnya dikehendaki oleh Jawatankuasa Tatatertib; dan
- (c) menghendaki mana-mana orang yang didapatinya perlu hadir di hadapannya untuk memberikan keterangan lisan yang berhubung atau berkaitan dengan hal perkara penyiasatan itu.

(3) Mana-mana—

- (a) peguam bela dan peguam cara atau mana-mana orang lain yang, tanpa alasan yang sah, enggan atau gagal mengemukakan kepada Jawatankuasa Tatatertib untuk penyiasatan mana-mana buku, dokumen atau

kertas atau gagal memberikan apa-apa maklumat yang berhubungannya di bawah perenggan 2(a) atau (b); dan

- (b) orang yang, tanpa alasan yang sah, enggan atau gagal nadir memberikan keterangan lisan di bawah perenggan 2(c),

melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

(4) Sebelum Jawatankuasa Tatatertib memulakan pendengarannya berkenaan dengan apa-apa perkara, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menghantar melalui pos atau menyerahkan kepada peguam bela dan peguam cara yang berkenaan —

- (a) suatu salinan apa-apa permohonan atau aduan bertulis dan juga apa-apa akuan berkanun atau afidavit yang telah dibuat bagi menyokong permohonan atau aduan bertulis itu; dan
- (b) suatu notis menjemput peguam bela dan peguam cara yang berkenaan, dalam apa-apa tempoh yang tidak kurang daripada empat belas hari sebagaimana yang dinyatakan dalam notis —
 - (i) untuk memberi Jawatankuasa Tatatertib apa-apa penjelasan bertulis yang ingin dikemukakannya yang boleh menjadi tambahan kepada mana-mana penjelasan bertulis terdahulu yang boleh diberikan oleh peguam bela dan peguam cara itu di bawah seksyen 100; dan
 - (ii) memberitahu Jawatankuasa Tatatertib sekiranya dia ingin didengar oleh Jawatankuasa Tatatertib itu.

(5) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah membiarkan masa yang ditetapkan dalam notis itu berlalu dan memberi peluang yang munasabah kepada peguam bela dan peguam cara yang berkenaan untuk didengar jika dia berhasrat sedemikian dan hendaklah memberikan pertimbangan yang wajar kepada apa-apa penjelasan yang mungkin dibuatnya."

Penggantian seksyen 103c

31. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 103c dengan seksyen yang berikut:

"Dapatan Jawatankuasa Tatatertib

103c. (1) Selepas mendengar dan menyiasat apa-apa perkara yang dirujukkan kepadanya, suatu Jawatankuasa Tatatertib hendaklah merekodkan dapatannya berhubung dengan fakta kes itu dan mengikut fakta itu hendaklah memutuskan dan membuat mana-mana satu daripada syor yang berikut kepada Lembaga Tatatertib:

- (a) bahawa tiada sebab wujud bagi tindakan tatatertib;
- (b) bahawa sebab bagi tindakan tatatertib wujud tetapi tidak cukup berat untuk mewajarkan apa-apa hukuman selain teguran atau celaan atau bahawa hal keadaan adalah sedemikian yang peguam bela dan peguam cara itu cuma patut ditegur atau dicela; atau
- (c) bahawa terdapat merit dalam permohonan atau aduan itu dan bahawa peguam bela dan peguam cara itu hendaklah dikenakan salah satu daripada tindakan tatatertib yang berikut:
 - (i) pengenaan denda ke atas peguam bela dan peguam cara yang berkenaan dalam apa-apa jumlah wang yang difikirkan adil oleh Jawatankuasa Tatatertib;
 - (ii) penggantungan peguam bela dan peguam cara yang berkenaan daripada menjalankan amalan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi lima tahun sebagaimana yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa Tatatertib memandangkan hal keadan itu; atau
 - (iii) pemotongan peguam bela dan peguam cara yang berkenaan daripada Daftarai.

(2) Jawatankuasa Tatatertib boleh dalam hal yang sesuai sebagai tambahan kepada syornya tentang penalti atau hukuman yang sesuai mengesyorkan supaya Lembaga Tatatertib membuat suatu perintah restitusi oleh peguam bela dan peguam cara itu bagi apa-apa jumlah wang yang kena dibayar dan terhutang kepada pengadu."

Penggantian seksyen 103D

32. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 103D dengan seksyen yang berikut:

"Pertimbangan oleh Lembaga Tatatertib tentang laporan Jawatankuasa Tatatertib

103D. (1) Selepas menimbangkan laporan Jawatankuasa Tatatertib, Lembaga Tatatertib boleh membuat suatu perintah yang mengesahkan atau menolak dapatan atau syor Jawatankuasa Tatatertib itu.

(2) Lembaga Tatatertib boleh dalam hal yang sesuai mengenakan hukuman yang lebih berat daripada yang disyorkan oleh Jawatankuasa Tatatertib.

(3) Jika Lembaga Tatatertib tidak bersetuju dengan dapatan atau syor Jawatankuasa Tatatertib, Lembaga Tatatertib hendaklah membuat apa-apa perintah lain yang difikirkannya adil.

(4) Sebelum Lembaga Tatatertib membuat suatu perintah di bawah subseksyen (2) atau apa-apa perintah yang berkemungkinan memudaratkan seseorang peguam bela dan peguam cara di bawah subseksyen (3), Lembaga Tatatertib hendaklah memberitahu peguam bela dan peguam cara itu tentang niatnya untuk berbuat demikian dan memberi peguam bela dan peguam cara itu peluang yang munasabah untuk didengar.

(5) Jika Lembaga Tatatertib membuat suatu perintah bahawa peguam bela dan peguam cara itu hendaklah membuat restitusi kepada pengadu apa-apa jumlah wang yang didapati kena dibayar dan terhutang kepada pengadu, Lembaga Tatatertib boleh memperuntukkan masa yang restitusi itu patut dibuat, yang dengan kegagalannya Lembaga Tatatertib boleh mengenakan ke atas peguam bela dan peguam cara itu suatu hukuman yang lebih tinggi daripada yang dikenakan sebelum itu.

(6) Sesuatu jumlah wang yang diperintahkan oleh Lembaga Tatatertib di bawah subseksyen (5) untuk direstitusikan boleh didapatkan oleh pengadu sebagai suatu hutang sivil."

Penggantian seksyen 103E

33. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 103E dengan seksyen yang berikut:

'Rayuan daripada keputusan Lembaga Tatatertib

103E. (1) Mana-mana pihak yang terkilan dengan apa-apa keputusan atau perintah yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib di bawah subseksyen 100(5), (8) atau (9) atau seksyen 103D berhak merayu kepada Mahkamah Tinggi dalam masa satu bulan selepas penerimaan pemberitahuan keputusan atau perintah yang dimusykilkan itu; dan tiada rayuan boleh dibuat terhadap apa-apa keputusan atau perintah lain yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib.

(2) Tidak boleh dibuat semakan kehakiman terhadap apa-apa keputusan atau perintah yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib.

(3) Rayuan itu hendaklah ditetapkan untuk didengar di hadapan seorang Hakim Mahkamah Tinggi.

(4) Rayuan itu hendaklah melalui suatu usul pemula yang menyatakan alasan rayuan yang disokong oleh affidavit.

(5) Apa-apa rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan dan kemudiannya kepada Mahkamah Persekutuan.

(6) Majlis Peguam boleh mengikut budi bicaranya mencelah pada mana-mana peringkat apa-apa rayuan di bawah seksyen ini.

(7) Lembaga Tatatertib tidak boleh dinamakan sebagai suatu pihak dalam apa-apa rayuan di bawah seksyen ini.

(8) Lembaga Tatatertib hendaklah mempunyai hak untuk hadir dan berucap dalam mana-mana Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan yang mendengar suatu rayuan di bawah seksyen ini oleh seseorang peguam bela dan peguam cara sama ada atau tidak peguam bela dan peguam cara itu ialah ahli Lembaga Tatatertib atau Majlis Peguam."

Pemotongan seksyen 103G

34. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 103G.

Kecualian dan peralihan

35. (1) Jika pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini rayuan di bawah seksyen 103E belum selesai di hadapan Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, prosiding itu hendaklah diteruskan di bawah dan dengan menepati peruntukan seksyen 103E sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini; tetapi jika pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini mana-mana rayuan sedang didengar, atau telah didengar tetapi tiada perintah atau keputusan telah dibuat mengenai rayuan itu, prosiding itu hendaklah diteruskan di bawah peruntukan Akta ibu yang terpakai bagi prosiding itu sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Jika pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, prosiding tatatertib masih belum selesai di hadapan Lembaga Tatatertib, prosiding itu hendaklah diteruskan di bawah peruntukan Akta ibu yang terpakai bagi prosiding itu sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini dan Lembaga Tatatertib boleh membuat apa-apa perintah atau keputusan sebagaimana yang boleh dibuat oleh Lembaga Tatatertib itu di bawah kuasa yang terletak hak padanya di bawah Akta ibu sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(3) Apa-apa permohonan atau aduan bertulis berkenaan dengan kelakuan mana-mana peguam bela dan peguam cara atau mana-mana pelatih yang dirujuk kepada Lembaga Tatatertib sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diuruskan di bawah peruntukan Akta ibu yang terpakai bagi prosiding tatatertib sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

Pindaan seksyen 108

36. Seksyen 108 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan "Tribunal Penyiasatan dan".

Pindaan seksyen 109

37. Seksyen 109 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan ", Tribunal Penyiasatan".

Pindaan seksyen 110

38. Subseksyen 110(2) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan "Tribunal Penyiataan atau".

Pindaan seksyen 111

39. Seksyen 111 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "Tribunal Penyiataan,";
- (b) dengan menggantikan perkataan "atau" yang terdapat selepas perkataan "*Bar* Malaysia" dengan koraa;
- (c) dengan memasukkan selepas perkataan "Majlis Peguam" perkataan "atau mana-mana Jawatankuasa *Bar* Negeri"; dan
- (d) dengan memasukkan selepas perkataan "di bawah Akta ini" perkataan "termasuklah apa-apa pengumuman atau penyiaran apa-apa keputusan Lembaga Tatatertib".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Profesion Undang-Undang 1976 ("Akta 166").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 166 —

- (a) berhubung dengan takrif "Lembaga", berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 4 Akta 166; dan
- (b) untuk memasukkan takrif baru dalam Akta 166, iaitu "Fakulti Undang-Undang" dan "Menteri".

4. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 166 untuk mengadakan peruntukan bagi perubahan nama Lembaga Kelayakan kepada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang untuk menggambarkan fungsi tertentu yang dijalankan oleh Lembaga itu. *Subfasal 2, 3 dan 4* bertujuan untuk membuat peruntukan peralihan dan kecualian bagi perubahan nama yang dicadangkan itu.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 166 untuk mengadakan peruntukan bagi penamaan seorang ahli sepenuh masa daripada kakitangan akademik sesuatu Fakulti Undang-Undang sebagai ahli Lembaga Kelayakan

Profesion Undang-Undang. Di bawah peruntukan yang sedia ada, hanya Dekan Fakulti Undang-Undang yang layak menjadi ahli.

6. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 13(4) Akta 166 untuk memendekkan tempoh seseorang pegawai mesti berkhidmat dengan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, iaitu daripada tujuh tahun kepada sekurang-kurangnya setahun, bagi melayakkan diri untuk mendapatkan pengecualian daripada menjalani apa-apa tempoh latihan bagi maksud penerimaan masuknya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara.

7. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda perenggan 35(2)(b) berbangkit daripada pembuatan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 dan pindaan yang dibuat kepada Akta Kebankrapan 1967 berhubung dengan perubahan nama jawatan pegawai-pegawai yang dilantik di bawah Akta itu. Satu lagi kategori pegawai yang boleh hadir dan bercakap dalam semua mahkamah di negara ini ialah pegawai-pegawai yang dilantik di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan baru (*ba*).

8. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 38(1) Akta 166 —

- (a) untuk mengelakkan apa-apa keraguan tentang keupayaan di sisi undang-undang pegawai-pegawai seperti Ketua Pengarah Bantuan Guaman dan Pegawai Insolvensi untuk memulakan, hadir dalam dan menjalankan apa-apa prosiding; dan
- (b) supaya mana-mana ahli sepenuh masa daripada kakitangan akademik mana-mana Fakulti Undang-Undang, dan bukan sahaja Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, dikecualikan daripada pemakaian seksyen 37.

9. *Fasal 10* bertujuan untuk memotong perenggan 46A(1) faj Akta 166. Dengan pindaan yang dicadangkan, kehendak bahawa seseorang mesti merupakan atau telah menjadi seorang peguam bela dan peguam cara selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun bagi melayakkannya menjadi ahli Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Peguam, atau ahli mana-mana Jawatankuasa Majlis Peguam atau mana-mana Jawatankuasa Peguam, dihapuskan.

10. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 64 Akta 166 untuk memperhalus dan menjelaskan peruntukan yang berhubungan dengan pengadaaan sesuatu mesyuarat agung tahunan, khususnya untuk mengatasi apa-apa kesulitan dalam mematuhi kehendak mengenai kuorum. Pindaan yang dicadangkan termasuklah, antara lain, kemasukan lima subseksyen baru yang berikut:

- (a) subseksyen (3) mengenai kehendak notis tidak kurang daripada empat belas hari kepada ahli-ahli tentang sesuatu mesyuarat agung tahunan;
- (b) subseksyen (4) mengenai kehendak kuorum, iaitu lima ratus ahli *Bar Malaysia*;
- (c) subseksyen (5) mengenai penangguhan sesuatu mesyuarat agung tahunan jika tidak ada cukup kuorum yang dinyatakan. Jika mesyuarat yang ditangguhkan ini masih tidak ada cukup kuorum, ahli-ahli yang hadir hendaklah membentuk suatu kuorum; dan

(d) subseksyen (6) mengenai kehendak notis tidak kurang daripada tujuh hari jika apa-apa usul dicadangkan untuk dipertimbangkan dalam mesyuarat agung tahunan.

11. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 65 Akta 166. Bagi menghapuskan apa-apa keraguan, mesyuarat yang diadakan menurut seksyen ini sekarang dicadangkan disebut sebagai suatu mesyuarat agung luar biasa. Pindaan yang dicadangkan, antara lain, adalah seperti yang berikut:

- (a) bilangan ahli yang membuat permintaan ditambah daripada lima puluh orang kepada satu ratus lima puluh orang ahli;
- (b) kuorum bagi mesyuarat agung luar biasa ialah lima ratus orang ahli *Bar Malaysia*; dan
- (c) jika tidak ada cukup kuorum, mesyuarat itu hendaklah dibubarkan.

12. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 66 Akta 166 untuk memperuntukkan dengan khusus bahawa tiap-tiap ahli hendaklah mempunyai satu undi setiap seorang dalam sesuatu mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung luar biasa.

13. *Fasal 14* bertujuan untuk memotong seksyen 67 Akta 166. Pindaan yang dicadangkan kepada *fasal 11* dan *12* menjadikan peruntukan ini tidak lagi perlu.

14. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 70 Akta 166 yang memperkatakan mesyuarat agung tahunan sesuatu *Bar Negeri*. *Fasal* ini bertujuan untuk membuat pindaan seumpama pindaan yang berkenaan dengan sesuatu mesyuarat agung tahunan *Bar Malaysia*.

15. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 70A Akta 166, juga untuk membuat pindaan mengenai mesyuarat agung luar biasa sesuatu *Bar Negeri* seumpama pindaan yang diperuntukkan di peringkat kebangsaan.

16. *Fasal 17* bertujuan untuk memelihara kesahan perbuatan atau perkara yang dilakukan oleh Majlis Peguam, dll., menurut apa-apa keputusan yang diambil atau ketetapan yang diluluskan pada atau kemudian daripada mana-mana mesyuarat agung tahunan yang tidak ada cukup kuorum sebelum permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

17. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 76 Akta 166. Suatu perubahan yang penting yang dicadangkan ialah kemasukan subseksyen baru (3) yang memperuntukkan bahawa ahli Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Majlis Peguam, Jawatankuasa *Bar Negeri*, dll., tidak boleh dipaksa untuk menzahirkan kepada mana-mana mahkamah apa-apa maklumat yang berhubungan dengan apa-apa prosiding atau perkara yang dijalankan oleh mereka.

18. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 93 Akta 166. Antara lain, pindaan yang dicadangkan memasukkan subseksyen baru (4c) dan (4d). Subseksyen baru (4c) menghendaki pengerusi Lembaga Tatatertib, Yang Dipertua *Bar Malaysia* atau wakilnya menarik diri daripada menimbang teliti dalam Lembaga Tatatertib jika dia berpendapat bahawa dia sepatutnya berbuat demikian demi kepentingan

keadilan. Subseksyen baru (4D) menyatakan dengan khusus bahawa tiada perbuatan atau prosiding Lembaga Tatatertib boleh menjadi tidak sah semata-mata kerana Yang Dipertua *Bar* Malaysia atau wakilnya telah mengambil bahagian dalam penimbangtelitian Lembaga Tatatertib yang Majlis Peguam merupakan pengadu.

19. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda subseksyen 94(2) Akta 166 untuk memberi kuasa menghukum tambahan kepada Lembaga Tatatertib dalam bentuk pengenaan denda ke atas atau teguran kepada seseorang peguam bela dan peguam cara yang telah didapati bersalah atas apa-apa salah laku.

20. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 95 Akta 166 berbangkit daripada pemotongan seksyen 97 Akta itu.

21. *Fasal 22* bertujuan untuk memotong seksyen 97 Akta 166 untuk memendekkan prosiding di bawah Bahagian VII Akta itu bagi mempercepatkan penyempurnaan apa-apa prosiding tatatertib. Buat masa sekarang, penyiasatan dimulakan oleh Tribunal Penyiasatan apabila suatu permohonan atau aduan bertulis dibuat kepada Lembaga Tatatertib dan akan diikuti oleh suatu penyiasatan formal oleh Jawatankuasa Tatatertib. Pemberhentian fungsi Tribunal Penyiasatan yang dicadangkan akan membuka laluan bagi pelaksanaan sistem satu peringkat dalam penyiasatan salah laku tatatertib sebagaimana yang dinyatakan dalam *fasal 30*.

22. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 98 Akta 166 untuk membenarkan Majlis Peguam melantik kakitangan untuk membantu Pengarah Urus Setia Aduan. *Fasal* ini juga menjelaskan bahawa Pengarah itu berkhidmat sebagai Setiausaha hanya kepada Lembaga Tatatertib.

23. *Fasal 24* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 99(4) dan (5) dalam Akta 166 untuk memperkatakan apa-apa aduan yang dibuat terhadap sesuatu firma guaman.

24. *Fasal 25* bertujuan untuk menggantikan seksyen 100 Akta 166 untuk memperkatakan peranan Lembaga Tatatertib sebelum Jawatankuasa Tatatertib dilantik dan dalam keadaan jika tiada Jawatankuasa Tatatertib dilantik.

25. *Fasal 26* dan *27* bertujuan untuk memotong seksyen 101 dan 102 Akta 166 berbangkit daripada pemotongan seksyen 97 dalam *fasal 22*.

26. *Fasal 28* bertujuan untuk menggantikan seksyen 103 Akta 166 untuk memberi Lembaga Tatatertib kuasa untuk memerintahkan supaya seseorang peguam bela dan peguam cara yang telah diperintahkan untuk membayar denda dan ingkar berbuat demikian digantung daripada menjalankan amalan, dan bagi seorang peguam bela dan peguam cara yang pada masa ini tidak memiliki sijil amalan, supaya tiada Sijil Tahunan dikeluarkan kepadanya sehingga dia membuat pembayaran itu.

27. *Fasal 29* bertujuan untuk menggantikan seksyen 103A Akta 166 untuk memperkatakan keahlian dan pelantikan Jawatankuasa Tatatertib.

28. *Fasal 30* bertujuan untuk menggantikan seksyen 103B Akta 166. Seksyen 103B yang baru memperkenalkan sistem satu peringkat dalam penyiasatan apa-apa aduan terhadap seseorang peguam bela dan peguam cara yang hendaklah

dijalankan oleh Jawatankuasa Tatatertib sahaja. *Fasal* ini juga menetapkan garis panduan dan tatacara penyiasatan bagi Jawatankuasa Tatatertib itu.

29. *Fasal 31* bertujuan untuk menggantikan seksyen 103c Akta 166 untuk memperkatakan dapatan dan syor Jawatankuasa Tatatertib.

30. *Fasal 32* bertujuan untuk menggantikan seksyen 103D Akta 166 untuk membenarkan Lembaga Tatatertib menerima atau menolak dapatan atau syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib.

31. *Fasal 33* bertujuan untuk menggantikan seksyen 103E Akta 166. Seksyen yang digantikan itu bertujuan untuk memperuntukkan bahawa rayuan daripada keputusan Lembaga Tatatertib hendaklah didengar oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi dan rayuan selanjutnya dibuat kepada Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Dicadangkan bahawa Lembaga Tatatertib tidak dinamakan sebagai suatu pihak dalam apa-apa rayuan dan bahawa Lembaga itu diberikan hak untuk hadir dan berucap dalam apa-apa rayuan di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan melalui seorang peguam bela dan peguam cara.

32. *Fasal 34* bertujuan untuk memotong seksyen 103G kerana seksyen itu tidak lagi berkaitan. Peruntukan kecualian dan peralihan mengenai prosiding tatatertib yang masih belum selesai di hadapan Lembaga Tatatertib dan rayuan tatatertib menurut seksyen 103E sebelum permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan diperuntukkan dalam *fasal 35*.

33. *Fasal 39* bertujuan untuk meminda seksyen 111 Akta 166 untuk memanjangkan perlindungan daripada apa-apa tindakan atau prosiding mahkamah kepada Jawatankuasa *Bar* Negeri dan juga kepada Lembaga Tatatertib bagi pengumuman atau penyiaran keputusannya.

34. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)1855]